

KDN tubuh jawatankuasa khas bantu mangsa jenayah

kasmo 22/7/12 MS 3.

KUALA LUMPUR - Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menubuhkan satu jawatankuasa khusus untuk membela mangsa jenayah kekerasan dan penculikan terutama golongan wanita dan kanak-kanak dengan melibatkan penyertaan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO).

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, kerjasama antara pelbagai pihak bagi penubuhan jawatankuasa itu akan dimuktamadkan pada minggu hadapan.

"Jawatankuasa itu akan memberi keutamaan terhadap kes jenayah seperti penculikan kanak-kanak dan jenayah terhadap wanita di pusat membeli-belah.

"Semua langkah itu adalah pendekatan kita bagi mengurangkan kadar jenayah seterusnya meredakan kebimbangan orang ramai terhadap masalah keselamatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat selama sejam mengenai penubuhan jawatankuasa itu bersama Ketua Polis



Negara, Tan Sri Ismail Omar, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh dan semua ketua polis daerah di Kuala Lumpur.

Hishammuddin turut membidas kenyataan pemimpin DAP, Lim Kit Siang yang mendakwa kerajaan Barisan Nasional (BN) sudah ketandusan idea dengan mengeluarkan kenyataan mengenai pengganas Jemaah Islamiah (JI) dan individu yang pernah dikaitkan dengan gerakan komunis cuba meresapi parti pembangkang dan menjadi calon pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

"Dakwaan Kit Siang tidak benar, apa yang dia cakap mengikut ideologi politik beliau. Sekarang ini dah berbeza, berbeza dengan landscape politik dahulu, saya rasa apa yang polis Cawangan Khas kata (siasat) ia merupakan satu fakta," katanya.

Ketua Penolong Pengarah E2 (M) Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial Bukit Aman, Datuk Mohd. Sofian Md. Makinuddin sebelum ini dilaporkan berkata Cawangan Khas mengesan beberapa elemen JI cuba meresapi Pas selain elemen gerakan komunis cuba meresapi DAP.